

20 MAR 1997

USAHA GIGIH PERLU BENDUNG IHP

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Ahli-ahli ekonomi dan para pemerhati pasaran menyatakan Indeks Harga Pengguna (IHP), yang sedang berlegar sekitar lebih daripada tahap tiga peratus sejak kebelakangan ini, mungkin boleh menurun lagi tetapi ia memerlukan usaha penguatkuasaan yang tegas dari pihak berkuasa.

Menurut mereka negara-negara lain telah membuktikan bahawa ia boleh dilaksanakan dan justeru itu tidaklah mustahil bagi Malaysia untuk berbuat demikian.

IHP yang meningkat kepada 4.8 peratus pada 1992, satu tahap yang dianggap sebagai membimbangkan ketika itu, sering diawasi kerana ia secara langsung berhubungkait dengan kadar inflasi di negara ini. Sejak itu, IHP telah jatuh kepada 3.5 peratus pada 1993, 3.7 peratus pada 1994, 3.4 peratus pada 1995 dan 3.5 peratus pada 1996.

Apakah perlu IHP berada sekitar lebih sedikit tiga peratus? Jawapannya tentunya "tidak", terutamanya ketika negara-negara lain telah menunjukkan ia boleh dilaksanakan.

Di kalangan negara Asean, Singapura yang mempunyai penduduk hanya seramai 2.8 juta orang, nampaknya berjaya membendung harga pengguna. Dari 3.1 peratus pada 1994, IHPnya jatuh kepada 1.7 peratus pada 1995 manakala Thailand pula dengan bilangan penduduk seramai 61 juta orang berjaya menurunkan harga pengguna kepada 4.2 peratus tahun lalu daripada 5.8 peratus pada 1995.

Dari negara perindustrian seperti Amerika Syarikat, Jepun, Perancis dan Jerman, harga pengguna mereka dijangka tidak melebihi 3.0 peratus tahun ini.

Malaysia juga mampu berbuat demikian dengan penduduk seramai 21.2 juta orang, bolehkah IHPnya turun lagi? Jawapan "Ya" sering diberikan tetapi dengan syarat lebih usaha penguatkuasaan dari pihak berkuasa diperlukan bagi membendung pihak peniaga mengaut keuntungan yang terlalu berlebihan.

Bagi melaksanakan ini, kementerian perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna harus menambah bilangan pegawai penguatkuasanya.

Di samping mengambil tindakan tegas terhadap keuntungan yang berlebihan, ahli-ahli ekonomi ketika ditemubual, juga menekankan betapa pentingnya bekalan yang mencukupi agar dapat melegakan jurang perbezaan antara bekalan dan permintaan.

Sebaliknya, ahli-ahli ekonomi juga berkata terdapat kesulitan dalam menurunkan IHP, terutamanya apabila ekonomi berkembang terlampau pantas dalam sembilan tahun berturut-turut. Sesetengahnya berpendapat IHP pada kadar 3.5 peratus di atas ekonomi yang berkembang pada kadar 8.2 peratus sebagai "sederhana" jika dibandingkan dengan pertumbuhan ekonomi negara-negara dinamis yang lain.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, ketika melancarkan kempen inflasi sifar pada 1995, menegaskan bahawa setiap orang adalah pembekal dan pengguna dan mempunyai tanggungjawab dalam membendung inflasi.

Dr Mohd Ariff Abdul Kareem dari fakulti ekonomi Universiti Malaya pula berkata sasaran inflasi sifar negara ini berguna bagi memastikan kadar inflasinya tidak tergelincir daripada sasarannya.

Patrick Er, ahli ekonomi kanan dari CIMB Securities (M) Sdn Bhd, berkata bagi menurunkan lagi kadar inflasi, kerajaan mungkin perlu memperlakan kadar pertumbuhan ekonomi, misalnya, mengetatkan syarat kredit bagi mengurangkan perbelanjaan.

Presiden Persatuan Pelabur Malaysia, Dr PHS Lim berkata satu strategi penting agar inflasi berada di bawah kadar 3.0 peratus ialah meningkatkan pada amnya bekalan ekonomi, terutamanya pengeluaran makanan.

IHP Malaysia mengukur kadar purata perubahan dalam sekumpulan barangan tetap dan perkhidmatan dengan tahun asasnya ditetapkan pada 1994.

Ia membabitkan barangan dan perkhidmatan seperti makanan, dimana wajarnya ialah 34.9 peratus, minuman (3.6 peratus), pakaian dan kasut (3.6 peratus), sewa kasar (21.1 peratus), bahan api dan kuasa (5.6 peratus), perabot, hiasan dalaman dan kelengkapan isirumah dan pengendalian (5.6 peratus).

Perkara lain ialah penjagaan perubatan dan perbelanjaan kesihatan (1.9 peratus), pengangkutan dan perhubungan (17.9 peratus), khidmat rekreasi, hiburan, pendidikan dan kebudayaan (5.8 peratus) dan barang lain dan perkhidmatan (5.6 peratus). Sejumlah 430 barangan digunakan dalam perkiraan dari kira-kira 10,000 cawangan runcit di seluruh negara.

Inflasi sering berlaku apabila terdapat terlalu banyak wang mengejar sedikit barangan. Bagi orang biasa, ini juga bererti bahawa nilai wang kini mengecil. Misalnya, jika seseorang itu membayar tambang 60 sen untuk menaiki bas dari Pasar Budaya ke kawasan membeli belah di Jalan Bukit Bintang di Kuala Lumpur tahun lalu, kini beliau terpaksa membayar 90 sen bagi jarak yang sama tahun ini.

Tambang bas adalah sebahagian daripada barangan yang dikawal yang menjadi komponen di dalam kumpulan barangan dan perkhidmatan dalam IHP. Sejak akhir-akhir ini, tambang teksi di Lembah Klang dan kadar tol telah melonjak dengan begitu ketara dalam tempoh yang singkat.

Buat masa sekarang, permintaan terhadap banyak barangan makanan, seperti daging dan ikan, mengatasi bekalan, dan keadaan ini menyebabkan harga semakin meningkat.

"Insentif harus disediakan bagi kegiatan akuakultur serta mempercepatkan pengeluaran bahan makanan," kata Dr Lim dari Persatuan Pelabur Malaysia (MIA). Beliau mengambil contoh bagaimana Amerika Syarikat, sungguhpun merupakan negara perindustrian, masih merupakan pengeluar beberapa komoditi pertanian seperti gandum, kacang soya dan jagung.

Syarikat perladangan harus juga diberi dorongan untuk menceburi tanaman kontan dan perladangan ternakan, yang akan menambahkan bekalan makanan, katanya sambil berkata bahawa perkara ini adalah wajar memandangkan jumlah import makanan Malaysia bernilai RM9.1 bilion.

Bahan makanan yang merupakan barangan utama dalam semua isirumah dan perbelanjaan utama di kalangan isirumah yang berbandapatan rendah, Dr Lim menyatakan menambahkan bekalan makanan adalah langkah yang betul ke arah mencapai kadar inflasi mungkin purata dua peratus.

Profesor Mohd Hamdan Adnan, Presiden Persekutuan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomco) berkata Malaysia perlu mempelbagaikan pasaran importnya bagi makanan.

Memang wajar dari segi ekonominya Malaysia tidak terlalu bergantung kepada sebilangan pasaran, ia juga "membolehkan kita membeli dari sumber yang paling murah," tambahnya.

Hamdan menyarankan supaya syarikat minyak dengan hak mencari petroleum di luar pesisir pantai harus juga menimbangankan kegiatan menangkap ikan sebagai kegiatan nilai ditambah.

Dr Lim dari MIA berkata satu lagi ciri penting yang perlu ke arah keadaan harga yang lebih rendah ialah mempunyai nilai ringgit yang teguh memandangkan Malaysia mengimport sejumlah barangan yang banyak, terutamanya barangan modal.

Beliau berkata ini akan mengurangkan nilai import negara, dan berikutnya melegakan tekanan ke atas harga dan membantu mengurangkan kadar inflasi.

Hamdan, yang menekankan tentang penguatkuasaan, berkata adalah penting harga berada di tahap yang rendah, lebih-lebih lagi apabila pengumuman potongan cukai dalam Belanjawan lalu akan dialami oleh para pengguna.

Beliau juga menyarankan agar rakyat Malaysia mengikis tabiat membeli berlebihan tanpa perancangan, kerana ini menimbulkan permintaan yang berlebihan.

Bagaimanapun, dengan lebih ramai lagi mereka yang sering makan di luar rumah disebabkan gaya hidup yang sibuk, usaha untuk membendung inflasi mungkin terbantut memandangkan makanan adalah perbelanjaan yang utama.

Bagi membantu usaha kerajaan membendung inflasi dan menjadikan Malaysia sebagai syurga membeli-belah, harga barangan harus berada ditahap yang secara relatifnya rendah, kata Hamdan.

Er dari CIMB berkata: "Menurunkan kadar inflasi kepada kadar sifar mungkin sukar dan dalam jangka pendek mungkin menyebabkan tahap pengangguran yang sukar diterima... terdapat imbalan pada amnya dalam jangka singkat."

Salah satu daripada cara kerajaan boleh mengurangkan kadar inflasi sementara meneruskan pertumbuhan ekonomi bagi mencapai Wawasan 2020 ialah memperlahankan pertumbuhan pinjaman, katanya.

Seorang lagi ahli ekonomi berkata IHP yang sebahagian besarnya terdorong oleh harga bahan makanan, boleh diturunkan kepada tiga peratus sekiranya terdapat penguatkuasaan yang tegas oleh Kementerian perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna.

Katanya, bagaimanapun, mungkin terdapat pula halangan dalam mengekalkan sasaran sedemikian dalam tempoh yang panjang memandangkan penguatkuasaan disiplin harga terhadap kepada sekumpulan barangan makanan yang terdiri daripada sektor kecil makanan IHP.

Adalah mustahil untuk menguatkuasakan kawalan harga bagi setiap barangan, kata Dr Loh Eng Seng dari TA Securities.

Beliau berkata IHP sebenarnya sedang menurun sejak suku akhir tahun lalu dan mengaitkan IHP yang "menggalkan" ini kepada keteguhan ringgit berbanding dolar Amerika dan yen sejak beberapa bulan kebelakangan.

Import bahan makanan, yang tertakluk kepada harga turun-naik sedunia, menjadi lebih murah disebabkan nilai ringgit yang semakin teguh sejak kebelakangan ini, katanya.

Jika pun IHP boleh diturunkan di bawah tiga peratus, permintaan yang teguh disebabkan pertumbuhan ekonomi yang menggalkan akan menghadkan pencapaian sasaran seumpama itu buat masa yang lama, kata sesetengah ahli ekonomi.

Oleh yang demikian, penguatkuasaan yang tegas ke atas harga dan kesedaran tentang menjadi pembekal dan pengguna yang bertanggung jawab adalah syarat mutlak bagi Malaysia kekal sebagai negara yang berdaya saing dari segi kos. -- BERNAMA

TEAM MA/sia